

Hapuskan Pandangan Suka Menyalahkan Sikap Orang Miskin

oleh

Mohamed Irwan Mohamed Taib

Kini banyak pekerja diberhentikan, termasuk orang Melayu, akibat krisis ekonomi yang melanda dunia. Akibatnya, lebih banyak kes kemiskinan timbul di Singapura dan isu kemiskinan memang benar dan tidak harus diambil ringan. Namun apa yang kita dapat perhatikan ialah adanya retorik yang menyalahkan mangsa kemiskinan itu sendiri.

Sebagai contoh, mangsa kemiskinan sering dikelompokkan sebagai golongan yang malas berusaha, keluarga yang pincang, tidak boleh berdikari, bermasalah dalam corak pemikiran, budaya Melayu yang cepat bersyukur, suka berlelak dan bersuka ria dan banyak lagi.

Tetapi malangnya hujah sedemikian tidak disalurkan bersama bukti yang kukuh malah sekadar melalui pantauan terhad dan pemikiran yang singkat. Ini adalah analisis yang tidak berperikemanusiaan, bahaya untuk kemajuan masyarakat dan tidak memberi faedah kepada masyarakat Melayu.

Cuba kita renungkan, apabila ada kejadian rompakan, siapa yang harus kita salahkan? Perompak atau mangsa yang dirompak? Sama juga dalam isu kemiskinan. Apabila terjadi kemiskinan, yang harus disalahkan bukan si miskin tetapi hal-hal yang menyebabkan kemiskinan dan program yang tidak membantu golongan ini membolosi cengkaman kemiskinan.

Menggunakan sanggahan yang logik, saya tidak fikir ada satu pun manusia yang mahu hidup susah. Saya tidak fikir ada orang Melayu sanggup beratur dalam cuaca panas sematamata mendapatkan wang yang tidak seberapa setiap Ramadan dan dimalukan dengan penyiaran wajah mereka di kaca televisyen.

Pada pandangan saya, gejala seperti ini terjadi dalam kalangan masyarakat kulit hitam di Amerika Syarikat. Setelah berakhirnya penindasan struktur dari segi dasar-dasar di Amerika, ada beberapa golongan kulit hitam yang diberi peluang memegang jawatan penting dalam pekerjaan dan peluang persekolahan setimpal dengan yang dinikmati warga kulit putih demi mempamerkan kononnya ada keadilan sosial.

Akan tetapi, golongan kulit hitam yang 'berjaya' ini berpaling tadah terhadap masyarakat mereka sendiri yang kebanyakannya masih mundur dan merana. Mereka mengutuk dan berasa jijik terhadap masyarakat mereka sendiri dan melihat mereka sebagai kaum yang malas dan tidak mahu berdikari.

Gejala ini boleh didapati dalam masyarakat Melayu Singapura. Jadi apa yang harus kita lakukan untuk membantu golongan masyarakat kita yang dilanda kemiskinan ini?

Pertama, kita harus utuhkan kepercayaan bahawa pemerksaan diri sendiri tidak boleh bangkit daripada luaran. Pemerksaan dan pengupayaan sesebuah masyarakat mampu timbul daripada mereka sendiri tetapi sebelum ini berlaku mereka harus ada kesedaran yang kritikal terhadap keadaan mereka sendiri.

Di sini perlunya bantuan para pemimpin dan aktivis masyarakat, bukan setakat bantuan kewangan, bahkan juga bantuan dari segi menampilkan wacana melalui wadah popular seperti drama, filem, kartun, animasi, iklan dan sebagainya dengan harapan menimbulkan kesedaran kritikal dalam kalangan golongan miskin.

Dengan kesedaran kritikal inilah yang akan memberikan mereka semangat yang kuat untuk berusaha dengan peluang yang ada dan membantu membuka peluang lain yang selama ini tertutup rapat.

Dengan ini, pembangunan sesebuah masyarakat dan negara boleh dilakukan secara menyeluruh.

[Artikel ini telah diterbitkan di *Berita Harian*, 27 Jun 2009.]